

Headline	Kenaikan harga barang tiada kaitan bangsa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	28	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	187 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,755



Kenaikan harga barang tiada kaitan bangsa

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata isu kenaikan harga barang yang berlaku sekarang bukan soal melibatkan sesuatu kaum tertentu.

"Ini bukan soal (bangsa) Cina, Melayu ... ini soal harga minyak jatuh kenapa harga barang tak turun. Ia melibatkan semua peniaga, tetapi memanglah peniaga dalam Malaysia ini kebanyakannya Cina," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pemasangan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

(FRIM) dekat sini semalam.

Beliau berkata menyalahkan sesuatu kaum berhubung kenaikan harga barang merupakan satu cara negatif dalam menyelesaikan masalah itu.

Justeru, Dr Mahathir berkata usaha mencari punca kenaikan harga perlu dilakukan secara menyeluruh ke arah meringankan beban rakyat.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berhubung isu boikot peniaga yang enggan menurunkan harga

barang dan menjadi viral di laman sosial.

Dr Mahathir seterusnya berkata, Malaysia tidak mendapat manfaat penuh sekiranya lipun harga bahan api mengalami penurunan susulan kejatuhan nilai ringgit, sekaligus menyebabkan nilai import negara meningkat.

"Walaupun kita boleh kutuk mereka ini (peniaga), kita perlu pastikan import dikawal dan harga barangan dan pengangkutan dikawal, kita tidak suka untuk mengawal pasaran perniagaan tetapi kadang kala...kita perlu kawalnya

kerana pasaran tidak dapat membuat kawalan sendiri," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir mencadangkan satu siasatan dan kajian teliti dilakukan bagi mengenal pasti sekiranya terdapat individu yang cuba mensabotaj ekonomi negara.

Sambil menjelaskan bahawa nilai mata wang susut disebabkan penjualan mata wang itu dengan mendadak dan kerap, beliau berkata siasatan perlu dibuat untuk memastikan sama ada inilah yang berlaku. BERNAMA

